

5

~~237
5/79~~

TUAN PERHIMPAN MAJLIS,
KITA DAN ANGI JAWATKEBASA UMNO CAWANGAN
TAMAN CENTURY,
TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

SAYA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA PERHIMPAN

DAN ANGI JAWATKEBASA UMNO CAWANGAN TAMAN CENTURY,

UCAPAN

Y.A.B. DATUK TIMBALAN PERDANA MENTERI
DAN TIMBALAN PRESIDEN UMNO DALAM MAJLIS
PADA MERASMIKAN UMNO CAWANGAN TAMAN CENTURY,
JOHOR BAHRU PADA 7HB. SEPTEMBER, 1973
JAM 8.00 MALAM.

SAYA SANGAT BERTAKUT KERNYA PERISTIAHA INI
MEMPUNYAI ARTI YANG BESAR, OLEH SEBAB, BUKAN BUKAN
BUKANNYA DAN KEYAKINAN TUAN-TUAN SEKALIAN SUPAYA JUGA
MEREKA PERSEKUTUAN UMNO, SAYA HARAP DAPAT BERADA DI SAMPIL
PERSEKUTUAN YANG TIDAK PERMAN SAMA SAMA-TANPA. MAJLIS
MELAKSANAKAN MAMPUAN JAWAPAN SEBAGAI TUNDALAN

TUAN Pengerusi Majlis,

Ketua dan Ahli Jawatankuasa UMNO Cawangan
Taman Century,

Tuan-tuan dan Puan-puan Hadirin Sekalian,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi
dan Ahli Jawatankuasa UMNO Cawangan Taman Century,
Johor Bahru, yang telah mengundang saya datang ke sini
pada malam ini, untuk merasmikan UMNO Cawangan Taman
Century yang baru ditubuhkan.

2. Saya sangat sukacita kerana peristiwa ini
mempunyai arti yang besar, oleh sebab, dengan berkat
sokongan dan keyakinan Tuan-tuan Sekalian serta juga
pucuk pimpinan UMNO, saya telah dapat berada di satu
peringkat yang tidak pernah saya idam-idamkan. Namun
demikian, dengan memegang jawatan sebagai Timbalan

PRESIDEN UMNO INI, SAYA BERHARAP AKAN DAPAT BERKHIDMAT UNTUK PARTI DAN KERAJAAN GUNA MEMBERIKAN APA JUGA PERKHIDMATAN YANG DAPAT SAYA PENUHI DEMI KEBAIKAN PARTI DAN NEGARA.

3. SAYA MERASA SYUKUR KERANA KEDUDUKAN YANG SAYA ALAMI, PADA HARI INI, ADALAH HASIL DARIPADA KEPERCAYAAN DAN DOA RESTU DARIPADA TUAN-TUAN SEKALIAN.

4. SEMENJAK SAYA TIBA DI SINI, SAYA DAN DATIN TELAH DISAMBUT DENGAN MERIAHNYA, SEOLAH-OLAH KAMI BARU LEPAS KAHWIN.

5. SAYA SANGATLAH TERHUTANG BUDI KEPADA KERAJAAN NEGERI JOHOR DI BAWAH PIMPINAN Y.A.B. DATUK HAJI OTHMAN, MENTERI BESAR, YANG TELAH MENGATURKAN

SAMBUTAN YANG BEGITU BESAR DAN MERIAH. PADA SAYA,
SAMBUTAN YANG DIBERIKAN OLEH RAKYAT DARI SEMUA KAMU
SUDAHILAH CUKUP BESAR DAN LENGKAP.

6. KEPADA SEMUA PIHAK YANG TELAH BERUSAHA
MENGATURKAN SAMBUTAN INI - DARI MENTERI BESAR,
ANLI-ANLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN, SETTAUSAHA
KERAJAAN DAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN, HINGGALAH
KEPADA KAKITANGAN KERAJAAN DAN RAKYAT BIASA YANG
SUKSEKIL-KECIL PUN YANG TELAH TURUT BERUSAHA
MEMBERIKAN SAMBUTAN YANG BESAR ITU, SAYA
MENGUCAPKAN TERIMA KASIH.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

7. PARTI KITA UMNO SEDANG MENEMPUH SATU PHASE BARU DENGAN PERUBAHAN-PERUBAHAN YANG BARU.

8. PERUBAHAN MEMANG SERING BERLAKU DALAM MANA-MANA PARTI, BAIK DI DALAM KEADAAN BIASA MAUPUN DI DALAM KEADAAN LUAR BIASA. AKAN TETAPI, PERUBAHAN YANG DIALAMI OLEH UMNO, DALAM TEMPUH SEBULAN INI, BERIKUTAN DENGAN KEMATIAN ALLAHYARHAM TUN DR. ISMAIL BERUPA SATU PERUBAHAN YANG SUKAR SEKALI DAPAT DI TERIMA OLEH PARTI INI KIRANYA KITA ADA MEMPUNYAI KUASA UNTUK MENAHANNYA. NAMUN DEMIKIAN, KITA TERPAKSALAH MENGHADAPI CABARAN INI DENGAN PENUH

KETABAHAN DAN DENGAN PENUH SABAR KERANA TIAP-TIAP
SESUATU YANG DIDATANGKAN OLEH ALLAH ITU, SAYA PERCAYA,
ADA MEMPUNYAI HIKMAT DAN TUJUAN-TUJUAN TERTENTU.

9. PADA SAYA SENDIRI, PERUBAHAN DI DALAM UMNO
SEBAGAI SATU PERUBAHAN YANG SANGAT BESAR ARTINYA
KERANA SAYA TELAH DIAMANAHKAN DENGAN SATU TANGGUNGJAWAB
YANG PALING BESAR. AMANAH YANG DIBERIKAN KEPADA SAYA
OLEH PARTI, DAN AMANAH DAN KEPERCAYAAN YANG DIBERIKAN
KEPADA SAYA SEBAGAI TIMBALAN PERDANA MENTERI, ADALAH
SATU AMANAH YANG SANGAT BESAR YANG SUKAR SAYA PIKUL
TANPA BANTUAN DARIPADA SEMUA PIHAK, KHASNYA TUAN-TUAN.

10. SAYA BERDOA KEPADA TUHAN YANG MAHA BERKUASA,
AGAR SAYA SENTIASA DIBERIKAN TAUFIK DAN HIDAYAH UNTUK

MENJALANKAN TUGAS SUPAYA SAYA SENTIASA DIBERKATI
DALAM BERKHIDMAT SAYA DEMI KEPENTINGAN RAKYAT,
MASYARAKAT DAN NEGARA.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

11. PERKEMBANGAN POLITIK DALAM NEGARA KITA PADA
PERINGKAT INI SANGATLAH PENTING SEKALI. UMNO,
SEBAGAIMANA YANG SAYA KATAKAN TADI, TELAH MENGALAMI
SATU PERUBAHAN DALAM PUCUK PIMPINAN, DALAM SUASANA
YANG LUAR BIASA. TETAPI PERUBAHAN INI TIDAKLAH
MENJEJASKAN ORGANASASI DAN JENTERA PARTI KITA,
OLEH SEBAB PARTI KITA MASIH UTUH DAN AHLI-AHLI KITA
MASIH PADU DAN SOKONGAN YANG DIBERIKAN OLEH RAKYAT
MASIH BULAT DAN TIDAK BERBELAH BAGI.

12. DALAM KONSEP PERJUANGAN UMNO, KITA HENDAKLAH SENTIASA MENYEDARI HAKIKAT BAHWA KEPENTINGAN PARTI, TIDAK DAPAT DIPISAHKAN DENGAN KEPENTINGAN NEGARA. DEMIKIAN JUGALAH KEPENTINGAN SESUATU KAUM MEMPUNYAI KESAN DAN IKATAN YANG RAPAT DENGAN SATU-SATU KAUM YANG LAIN.
13. UMNO TEGAK SEBAGAI LAMBANG PERJUANGAN ORANG-ORANG MELAYU SEMASA MEMPERJUANGKAN KEMERDEKAAN TANAHAIR DULU. KONSEP PERJUANGAN KITA SEMENJAK DARIPADA DAHULU LAGI SUNGGUHPUN MENGUTAMAKAN PERJUANGAN UNTUK KEPENTINGAN ORANG-ORANG MELAYU, TETAPI MEMBERI PERHATIAN KEPADA KEPENTINGAN SEMUA BANGSA YANG MENJADI RAKYAT DI DALAM NEGARA INI. PENDEKNYA, DASAR UMNO DISELARASKAN DENGAN KEHENDAK NEGARA YANG PENDUDUKNYA MULTI-RACIAL.

14. SETELAH MERDEKA, DAN DALAM KEAZAMAN KITA
UNTUK MENGGISI KEMERDEKAAN, KITA TELAH MENUMPUKAN
USAHA-USAHA BUKAN SAHAJA UNTUK KEPENTINGAN ORANG-
ORANG MELAYU, TETAPI JUGA UNTUK KEPENTINGAN
BANGSA-BANGSA LAIN.
15. SAYA BERHARAP KEGIATAN PARTI, TERUTAMA PADA
PERINGKAT CAWANGAN HENDAKLAH SENTIASA MENIMBANGKAN
SUPAYA KEPENTINGAN-KEPENTINGAN ORANG LAIN BAIK DI
DALAM PARTI ATAU DI LUAR PARTI, BAIK ORANG-ORANG
MELAYU MAHUPUN YANG BUKAN MELAYU HENDAKLAH SAMA-SAMA
DIPERHATIKAN. INILAH PERANAN SESEBUAH PARTI YANG
KUAT, PARTI YANG BERTANGGUNGJAWAB DAN MENJADI
PIMPINAN KEPADA RAKYAT DARI SEMUA KETURUNAN.
16. SAYA YAKIN KITA AKAN DAPAT MENGGEKALKAN
PERANAN INI BUKAN SAHAJA UNTUK MASA INI TETAPI JUGA

UNTUK DI MASA DEPAN, SELAGI KITA MENDAPAT KEPERCAYAAN RAKYAT DAN SELAGI KITA BERUSAHA MEMELIHARA SUPAYA KEPERCAYAAN ITU TIDAK HILANG.

17. SAYA TIDAK LUPA UNTUK MEMBERI PENGHARGAAN KEPADA TUAN-TUAN YANG TELAH BERUSAHA UNTUK MENUBUHKAN CAWANGAN UMNO DI TAMAN CENTURY INI, SATU-SATUNYA KAWASAN YANG BELUM MEMPUNYAI CAWANGAN PARTI KITA. INISIATIF YANG TELAH DITUNJUKKAN OLEH PEMIMPIN-PEMIMPIN UMNO BAGI MENDAPATKAN SOKONGAN RAKYAT DI KAWASAN INI SANGATLAH BAIK TERUTAMA SEKALI, KERANA KAWASAN INI TERLETAK DALAM KAWASAN PILIHANRAYA SAYA. INI JUGA BERARTILAH BAHWA CAWANGAN INI AKAN MENAMBAHKAN KEKUATAN PARTI DAN MENERUSINYA JUGA KEKUATAN SAYA UNTUK MENGHADAPI RAKYAT DAN UNTUK BERUSAHA KE ARAH

MEMBERIKAN KESEJAHTERAAN KEPADA MEREKA. SEKALI
CAWANGAN INI DITUBUHKAN MAKA IA AKAN TETAP HIDUP
SUBUR.

18. SAYA BERHARAPLAH SUPAYA SOKONGAN YANG
DIBERIKAN INI AKAN TERUS DIPERGIATKAN AGAR BILANGAN
AHLINYA BERTAMBAH DARI SEMASA KE SEMASA. DEMIKIAN
JUGA AKTIVITINYA DIPERINGKATKAN SUPAYA DAPAT
MEMBERIKAN KHIDMAT BAKTI KEPADA MASYARAKAT KHASNYA
DI TEMPAT INI.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

19. TELAH SERING KALI KITA TEKANKAN BAHWA
TUGAS KITA DI DALAM PARTI IALAH UNTUK MENGHIDUPKAN
PARTI DAN BUKAN UNTUK BERGANTUNG HIDUP KEPADANYA.
SAYA BERHARAP KONSEP INI TERUS DIJADIKAN PANDUAN

OLEH SEMUA PIHAK DALAM PARTI KITA AGAR IA BENAR-BENAR
MENJADI ASAS PERJUANGAN PADA SETIAP MASA.

20. SAYA SANGAT BERBANGGALAH BAHWA PERPADUAN
DALAM PARTI, KHASNYA DI NEGERI JOHOR INI, SANGATLAH
BAIK DAN PERPADUAN INI SAYA PERCAYA AKAN MENJADI
LEBIH PADU DI BAWAH PIMPINAN Y.A.B. DATUK MENTERI
BESAR YANG TELAH DIPERSETUJUKAN OLIH TUN PRESIDEN
UNTUK MENJADI PENGERUSI, JAWATANKUASA PERHUBUNGAN
UMNO NEGERI JOHOR, MENGGANTIKAN ALLAHYARHAM TUN DR.
ISMAIL. PIMPINANNYA YANG DINAMIS SAMA ADA DI SEGI
PARTI ATAUPUN DI SEGI KERAJAAN, SAYA YAKIN, AKAN
MEMBERI HARAPAN BARU DAN MENAMBAHKAN CEMERLANGNYA
NEGERI JOHOR INI UNTUK MASA-MASA YANG AKAN DATANG.

21. MENGAMBIL KESEMPATAN INI, SUKALAH SAYA
MENYENTUH HAL-HAL YANG BERKAIT DENGAN PARTI PERIKATAN
DAN KEDUDUKAN PARTI-PARTI GABUNGAN DIDALAMNYA.
22. BEBERAPA LANGKAH AKAN DIAMBIL UNTUK
MEMPERKUKUKAN PARTI PERIKATAN UNTUK MENYESUAIKAN
KEDUDUKANNYA DENGAN RALITY POLITIK SEKARANG DAN
AKAN DATANG. HAL INI MEMANGLAH WAJAR OLEH SEBAB
SEBAGAI PARTI YANG MEMERINTAH IA PERLULAH DISUBURKAN
DARI MASA KE SEMASA. LEBIH-LEBIH LAGI SEKARANG,
DENGAN TERBENTUKNYA FRONT NASIONAL, DENGAN UJUDNYA
KERAJAAN CAMPURAN DI BEBERAPA PERINGKAT, PERSAINGAN
PARTI-PARTI DALAM BIDANG POLITIK TELAH BERKURANGAN
TETAPI USAHA UNTUK MENGGOSOLIDASI PARTI DAN
MEMPERERATKAN KERJASAMANYA DENGAN PARTI-PARTI DALAM

KERAJAAN CAMPURAN TENTULAH PERLU DILETAKKAN DI ATAS
LANDASAN YANG BENAR-BENAR KUKUH DAN MEMBERI KESAN
YANG MENDALAM.

23. KITA TELAH MENCIPTA SEJARAH DALAM PERKEMBANGAN
POLITIK NEGARA, DAN KITA AKAN SENTIASA BERUSAHA UNTUK
MENENTUKAN ALIRAN SEJARAH SESUAI DENGAN KEHENDAK-
KEHENDAK KITA.

24. SAYA TELAH MEMPERHATIKAN PERKEMBANGAN
MENGENAI MCA DAN MIC TERUTAMA SEKALI DALAM PENYUSUNAN
SEMULA PARTI TERSEBUT. MIC, SAYA PERCAYA, SETELAH
MENGADAKAN MESYUARAT AGUNGNYA BARU-BARU INI TELAH
PUN MEMBULATKAN HASRAT UNTUK MENYUSUN SEMULA PARTI
TERSEBUT DAN MEMBERIKAN JIWA BARU BAGI MENGHADAPI
CABARAN-CABARAN POLITIK DI TANAH AIR.

25. DEMIKIAN JUGALAH MCA YANG JUGA TELAH MENGADAKAN MESYUARAT PERWAKILANNYA DAN TELAH PUN MENGAMBIL LANGKAH MENSESUAIKAN PERJALANAN PARTI TERSEBUT SEBAGAIMANA YANG DIKEHENDAKKI OLIH PUCUK PEMIMPIN.
26. HASIL DARIPADA PENYUSUNAN SEMULA PARTI-PARTI INI SUDAH TENTULAH AKAN MEMBERIKAN KESAN KEPADA PARTI PERIKATAN YANG BUKAN SAHAJA MENGHADAPI CABARAN-CABARAN DARIPADA PARTI LAWAN, TETAPI YANG LEBIH PENTING, TALAH UNTUK MENGHADAPI RAKYAT DAN MENGISI KEHENDAK-KEHENDAK MEREKA.
27. PERKEMBANGAN-PERKEMBANGAN POLITIK DI NEGARA KITA JUGA MEMERLUKAN PERHATIAN OLEH SEBAB HAL POLITIK MEMPUNYAI KAITAN YANG BESAR DENGAN EKONOMI DAN PERKEMBANGAN SOSIAL. KITA SANGAT BERPUASHATI DENGAN

PERKEMBANGAN-PERKEMBANGAN EKONOMI DI NEGARA KITA,
TETAPI PERKEMBANGAN INI MEMBAWA JUGA KEPADA MASALAH-
MASALAH LAIN YANG SEDANG DIPERHATIKAN OLEH PIHAK
KERAJAAN DENGAN TELITINYA.

28. KITA TIDAK MAHU MELIHATKAN PERKEMBANGAN
EKONOMI YANG MENGEKALKAN JURANG PERBEDAAN DIANTARA
YANG BERADA DAN TIDAK BERADA, DAN DENGAN ITU KERAJAAN
TETAP BERAZAM SUPAYA PERKEMBANGAN EKONOMI INI
DISESUAIKAN DENGAN DASAR EKONOMI BARU.

29. KERAJAAN ADALAH MENGHADAPI SEMUA MASALAH
DENGAN PENUH KEAZAMAN DAN SAYA YAKIN, BAHWA KITA
AKAN DAPAT MENCAPAI TUJUAN-TUJUAN SERTA MAKSUD KITA
BAGI MENGUJUDKAN SATU MASYARAKAT YANG BAHAGIA, MAKMUR
UNTUK SEMUA KETURUNAN KAUM DI NEGERI INI.

21. AKHIR KATA, SAYA SEKALI LAGI MENGUCAPKAN TERIMA KASIH DIATAS SAMBUTAN YANG DIBERIKAN KEPADA SAYA, DAN MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG TELAH BERUSAHA MENUBUHKAN CAWANGAN UMNO DI TAMAN INI, YANG SAYA PERCAYA AKAN MENAMBAHKAN KEKUATAN DAN PERPADUAN KITA.

22. TETAPI YANG PERLU KITA INGAT BAHWA JANGANLAH KITA SENTIASA BERBANGGA DENGAN KEKUATAN PARTI SEMATA-MATA KERANA MEMPUNYAI JUMLAH AHLI YANG RAMAI ATAUPUN CAWANGAN YANG BANYAK. YANG PENTING IALAH MUTU ATAU QUALITI PIMPINAN DI SEMUA PERINGKAT. KE ARAH INILAH TUAN-TUAN PERLU BERUSAHA.

TERIMA KASIH.



No Siri	563
No Penerimaan	75/79